

19.5.2023

KENYATAAN MEDIA

oleh Ir. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAPP dan PBA Holdings Bhd

PENJELASAN: SILA FIKIRKAN EMPANGAN MENGKUANG SEBAGAI “SUMBER SANDARAN” 300JLH BAGI LOJI RAWATAN AIR SUNGAI DUA

- **Dalam keadaan normal, PBAPP mengabstrak air mentah secara eksklusif dari Sungai Muda untuk menyokong 100% pengeluaran air terawat di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua.**
- **Dalam keadaan kemarau atau kecemasan, PBAPP hanya boleh mengeluarkan 300 juta liter sehari (JLH) dari Empangan Mengkuang yang Diperbesarkan untuk kegunaan, hanya di LRA Sungai Dua.**
- **Selain LRA Sungai Dua, air mentah di EMD tidak boleh dipam atau dibekalkan ke mana-mana LRA atau empangan lain di Negeri Pulau Pinang.**

PULAU PINANG, Jumaat, 19.5.2023: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) ingin menjelaskan bahawa Empangan Mengkuang yang Diperbesarkan (EMD) adalah “empangan rizab kemarau strategik” yang menyokong Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua.

Ia bukan “empangan harian” seperti Empangan Air Itam atau Empangan Teluk Bahang.

PBAPP tidak melepaskan air mentah daripada EMD apabila terdapat air yang mencukupi untuk diabstrak dari Sungai Muda untuk menyokong 100% pengeluaran air terawat di LRA Sungai Dua.

Pada Mac 2023, PBAPP telah mengabstrak purata 1,254 JLH air dari Sungai Muda untuk menghasilkan 1,028 JLH daripada LRA Sungai Dua. PBAPP akan melepaskan air dari EMD hanya apabila ia tidak dapat mengabstrak 1,254 JLH air dari Sungai Muda.

Oleh itu, EMD berperanan sebagai sumber air mentah “sandaran” kepada LRA Sungai Dua apabila paras Sungai Muda semakin rendah. PBAPP juga telah melepaskan air dari EMD (untuk digunakan di LRA Sungai Dua) semasa senario kecemasan seperti insiden paras air Sungai Muda 14.5.2023.

Terdapat dua limitasi fizikal utama untuk penggunaan EMD sebagai sumber air mentah “sandaran”:

1. Kapasiti pelepasan maksimum empangan ini ialah 300 juta liter sehari (JLH). PBAPP kini mengabstrak purata 1,254 MLD air sehari dari Sungai Muda untuk menyokong 100% pengeluaran air terawat di LRA Sungai Dua. Oleh itu, EMD, dengan sendirinya, hanya boleh menyokong kira-kira 23.9% daripada pengeluaran air terawat penuh di LRA Sungai Dua.
2. Air mentah dari EMD hanya boleh disalurkan ke LRA Sungai Dua. Air mentah ini tidak boleh dipam ke mana-mana LRA atau empangan lain di Negeri Pulau Pinang. Jadi, EMD tidak boleh berfungsi sebagai sumber air mentah “sandaran” untuk mana-mana LRA atau empangan lain.

EMD dibina untuk menyokong pengeluaran air terawat secara eksklusif di satu LRA; LRA Sungai Dua. Ini kerana LRA Sungai Dua mengeluarkan lebih 80% air terawat yang dibekalkan oleh PBAPP di Seberang Perai dan Daerah Barat Daya Pulau Pinang setiap hari.

Kawasan perkhidmatan LRA Sungai Dua, empangan lain dan LRA lain

Kawasan perkhidmatan LRA Sungai Dua merangkumi kira-kira 453,954 premis kediaman dan perniagaan di Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT) Seberang Perai Selatan (SPS) dan Daerah Barat Daya bahagian Pulau, Pulau Pinang.

Jumlah pengguna air di Pulau Pinang pada 2022 ialah 676,857 pengguna. Selain daripada 453,954 pengguna air di kawasan perkhidmatan LRA Sungai Dua, terdapat 222,903 pengguna air lain yang “dilayan” oleh 3 empangan dan 8 LRA lain berikut:

- Empangan Air Itam (bahagian pulau)
- Empangan Bukit Pancur (Seberang Perai)
- Empangan Teluk Bahang (bahagian pulau)

- LRA Air Itam (bahagian pulau)
- LRA Batu Ferringhi (bahagian pulau)
- LRA Bukit Toh Allang (Seberang Perai)
- LRA Bukit Pancur (Seberang Perai)
- LRA Guillemard (bahagian pulau)
- LRA Penang Hill (bahagian pulau)
- LRA Sungai Pinang (bahagian pulau)
- LRA Air Terjun (bahagian pulau)

PBAPP menguruskan semua empangan dan LRA ini untuk memenuhi keperluan bekalan air pengguna air secara khusus di kawasan tertentu. Setiap empangan dan

LRA yang beroperasi di Pulau Pinang berperanan untuk mengekalkan 100% liputan bekalan air bandar dan 99.8% luar bandar.

Tanpa 3 empangan dan 8 LRA ini, seramai 222,903 pengguna air di Pulau Pinang mungkin tidak mempunyai bekalan air.

Menyelamatkan Air Itam dalam senario kecemasan air

Semasa senario kecemasan, seperti jika Empangan Air Itam kering, PBAPP mempunyai pilihan untuk mengepam lebih banyak air daripada LRA Sungai Dua ke kawasan perkhidmatan Empangan Air Itam.

Walau bagaimanapun, ini mesti dilakukan dengan berhati-hati. Mungkin terdapat akibat seperti:

- Gangguan bekalan air di kawasan perkhidmatan LRA Sungai Dua sedia ada, seperti Seberang Perai dan FTZ Bayan Lepas di Daerah Barat Daya bahagian Pulau, Pulau Pinang.
- Paip pecah atau rumah pam rosak di seluruh Negeri Pulau Pinang akibat tekanan pengepaman air yang sangat tinggi.
- Segelintir pengguna air di Air Itam khususnya penduduk yang tinggal di kawasan tinggi mungkin masih tidak mendapat bekalan air.

Kesimpulan

1. Kapasiti efektif maksimum EMD ialah 86,400 juta liter (ML) tetapi PBAPP hanya boleh melepaskan 300 JLH sehingga Kerajaan Persekutuan menyiapkan Projek Pembesaran Empangan Mengkuang (MDEP) untuk meningkatkan kapasiti pelepasan kepada 1,000 JLH.

MDEP dimulakan pada 2011. Ia masih tidak lengkap pada 2023.

2. 86,400 ML yang disimpan dalam EMD tidak boleh “dipindahkan secara bebas” ke mana-mana LRA atau empangan lain di Pulau Pinang. Ia tidak mungkin terjadi secara fizikal pada masa ini.
3. Disebabkan permintaan air yang tinggi pada tahun 2023, bekalan air untuk semua pengguna air di Pulau Pinang hanya boleh dikekalkan pada 100%, secara 24/7, jika semua 4 empangan negeri (termasuk EMD) dan 9 loji rawatan air (termasuk LRA Sungai Dua) berfungsi secara optimum.
4. Seramai 453,954 pengguna air Pulau Pinang yang tinggal dan bekerja di kawasan perkhidmatan LRA Sungai Dua secara teorinya mungkin “bertahan”



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

dalam kemarau selama 12 bulan di Pulau Pinang...jika PBAPP boleh mengabstrak air yang mencukupi dari Sungai Muda dan EMD untuk memastikan operasi LRA Sungai Dua pada kapasiti 100%.

Bagaimanapun, baki 222,903 pengguna air di Pulau Pinang mungkin tidak mempunyai bekalan air sekiranya Empangan Air Itam, Empangan Bukit Pancur, Empangan Teluk Bahang dan semua sungai kecil lain di Pulau Pinang kering.

5. PBAPP sedang berusaha keras untuk memastikan rizab Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang yang menyusut tidak kering sehingga hujan tiba pada September 2023.

Bagaimanapun, kami juga memerlukan sokongan semua pengguna air di Pulau Pinang bagi mengurangkan penggunaan air mereka dengan segera.

3 cara paling mudah dan berkesan untuk pengguna domestik menjimatkan air ialah:

- a. Jangan gunakan hos untuk menyiram tanaman atau taman anda. Sebaliknya, gunakan tin penyiram.
- b. Jangan gunakan hos untuk membersihkan kereta atau motosikal anda. Sebaliknya, gunakan baldi, kain dan span; dan sila bersihkan kenderaan anda hanya apabila ia benar-benar perlu.
- c. Jangan biarkan pili air mengalir. Hidupkan pili hanya apabila anda perlu membilas tangan, makanan, pinggan mangkuk, kutleri, pakaian dan barangan lain. Tutup pili segera selepas itu dan ajar anak anda menutup paip dengan betul.

Untuk lebih banyak tip-tip penjimatan air, sila layari laman web PBAPP di:
www.pba.com.my

Terima kasih.
